

Elak serang calon lawan, fokus tarik generasi muda

Noor Mohamad Shakil Hameed,
Timbalan Pengarah
(Komunikasi Korporat),
Pusat Strategi Dan
Perhubungan Korporat
(PSPK), Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Tirai Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan dibuka secara rasmi, Sabtu lalu. Kini 103 calon yang diumumkan layak bertanding oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) rancak berkempen untuk memikat hati pengundi.

Baik calon mewakili parti mahupun Bebas, rata-rata sudah ada perancangan, termasuk jadual

padat untuk mendekati seramai mungkin bakal pengundi.

Dalam konteks ini, bagaimana seseorang calon mampu mendekati pengundi dan menyampaikan manifesto, janji dan komitmen, selain mendengar keluh kesah mereka akan dilihat sebagai kayu ukur penting menentukan bilangan undi diperolehi.

Di sini letaknya kebijaksanaan calon dan parti menggunakan pendekatan atau teknik komunikasi strategik ketika mendekati pengundi. Amalan komunikasi strategik mula menjadi aset penting dalam era pilihan raya moden.

Lazimnya, budaya meraih undi terbahagi kepada dua pendekatan, iaitu pertama, perjumpaan secara fizikal seperti rapat umum mahupun lawatan rumah ke rumah, kedua ialah kempen digital dalam pelbagai platform media sosial.

Walau apapun platform digunakan, pokok pangkalnya perlu bijak berkomunikasi memikat hati pengundi, menyampaikan manifesto, sekali gus meraih undi.

Cabaran besar ialah teknik komunikasi perlu disesuaikan dengan latar belakang pelbagai lapisan pengundi. Misalnya, perlu beri perhatian kepada penggunaan teknik berbeza mengikut umur dan jantina pengundi seperti generasi muda dan warga emas serta perlu juga ambil kira latar belakang kehidupan di kawasan berkenaan.

Teknik komunikasi baik

Calon bijak membaca keperluan ini mampu tampilkan teknik komunikasi baik, sekali gus memudahkan proses meraih undi.

Antara teknik penting ialah calon perlu amalakan budaya komunikasi berasaskan nilai empati, yakni letak diri di tempat pelbagai lapisan pengundi. Misalnya apabila mendekati warga emas, biarkan mereka bercakap dan jadilah pendengar yang baik umpama seorang anak.

Dengan cara ini, kita mampu memahami keperluan atau harapan mereka kepada calon. Menghormati pengundi, terutama warga emas menjadi paling asas ketika meraih undi secara bersemuka.

Ketika berjumpa dengan golongan muda, buka ruang mereka mengemukakan pandangan dan cadangan memenuhi aspirasi jiwa belia. Jadilah seorang bapa, ibu, kakak atau abang ketika berkomunikasi.

Calon tidak perlu banyak bercakap sebaliknya cukup jika mampu menjadi pendengar baik, prihatin dan meraikan semua harapan serta luahan keluh-kesah mereka.

Calon juga perlu bijak membina naratif hala tuju jelas dan konsisten. Setiap calon yang mahu pikat hati pengundi perlu ada kemampuan menyampaikan mesej atau janji dengan berani, yakin dan mudah difahami.

Elakkan membawa terlalu banyak mesej dalam satu-satu masa, sebaliknya fokus beberapa janji utama yang perlu diangkat sebagai komitmen

penting jika menang kelak dan perlu diterangkan dalam bahasa mudah difahami.

Elak mengubah pendirian, kenyataan atau janji dengan kerap. Calon perlu buktikan mereka konsisten, ada prinsip dan iltizam jelas. Ini selari baik dalam kempen terbuka mahupun dalam media sosial. Elak pengundi kita keliru dengan penyampaian mesej terlalu banyak atau kerap berubah.

Setiap calon juga perlu menyuburkan budaya dialog dan komunikasi dua hala. Pengundi kini bukan sekadar mahu dengar ceramah atau ucapan berdegang-degar sebagai retorik politik, sebaliknya mahu bertanya, mahu memberikan pandangan dan paling penting mahu suara mereka didengari. Maka jadilah calon mendengar maklum balas dan memberi respon secara profesional.

Calon juga perlu elak menyerang atau mengkritik lawan seperti membuka aib atau menceri-

takan kelemahan. Hentikan budaya politik murahan seperti ini kerana rakyat semakin matang dan bijak menilai antara kaca dengan permata.

Justeru, fokus kepada penyampaian mesej mengenai diri serta apa komitmen kepada pengundi dan kawasan berkenaan dengan menggunakan kaedah komunikasi tawaduk, rendah hati dan jujur. Jangan sesekali cakap besar dalam menyampaikan mesej ketika kempen.

Usah tabur fitnah

Dalam konteks sama, amalkan budaya komunikasi berintegriti. Calon perlu elak amalan fitnah, manipulasi mahupun penyebaran maklumat tidak tepat hingga boleh mengaburi mata pengundi.

Sampaikan mesej berpaksikan fakta secara telus dan bertanggungjawab. Ingat, integriti komunikasi akan membina keyakinan, reputasi dan tahap kepercayaan jangka panjang tinggi pengundi terhadap calon.

Gunakan media sosial sebagai antara senjata utama komunikasi strategik. Suka atau tidak, peningkatan bilangan golongan pengundi muda mula membuka lembaran baharu dalam teknik kempen pilihan raya, khususnya melalui media sosial yang sangat dekat dengan mereka.

Justeru, dekati golongan ini melalui penciptaan kandungan sesuai dan boleh menarik minat mereka. Kandungan dihasilkan perlulah autentik, ringkas, mudah difahami dan mudah dikongsi, justeru dicadangkan utamakan fakta berbanding sensasi. Ini semua boleh dilakukan melalui pelbagai teknik seperti penghasilan video pendek, poster infografik yang menarik mahupun ucapan calon secara siaran langsung.

Dalam era pengundi lebih berpengetahuan dan mempunyai akses kepada pelbagai sumber maklumat, kejayaan calon bukan hanya bergantung kepada manifesto atau populariti, bahkan keupayaan berkomunikasi secara strategik, beretika dan berasaskan fakta.

Komunikasi strategik membina kepercayaan, menggalakkan dialog dan menawarkan penyelesaian berpotensi mengukuhkan hubungan antara wakil rakyat dan masyarakat, tanpa mengira keputusan pilihan raya.

“Gunakan media sosial sebagai antara senjata utama komunikasi strategik. Suka atau tidak, peningkatan bilangan golongan pengundi muda mula membuka lembaran baharu dalam teknik kempen pilihan raya, khususnya melalui media sosial yang sangat dekat dengan mereka”

